



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG
MELALUI PROSES JAWATANKUASA KHAS
PENILAIAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**

PERATURAN 38 (b)

**HANYA DIBUKAKAN BAGI PEMOHON DARIPADA KALANGAN PEGAWAI DAN
KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DI KEMENTERIAN / JABATAN DI
MANA KEKOSONGAN JAWATAN DIKLANKAN SAHAJA.**

**PEGAWAI JURURAWAT TINGKAT KHAS (M.15)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 05 JULAI 2025
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 19 JULAI 2025
BILANGAN IKLAN: 2025/JUN/06/KKS**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian/Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI JURURAWAT TINGKAT KHAS
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.15 (\$3,890 - \$4,220 EB KHAS \$4,330 - \$4,770 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

BIDANG-BIDANG YANG DIPERLUKAN:

- *Accident and Emergency Nursing*
- *Adult Nursing*
- *Cardiac Nursing*
- *Community Dental Health*
- *Community Health Nursing*
- *Gynaecology and Obstetrics*
- *Health and Rehabilitation*
- *Health Management*
- *Intensive Care Nursing*
- *Medicine and Geriatrics*
- *Midwifery*
- *Operating Theatre Nursing*
- *Orl, Head and Neck Surgical Nursing*
- *Paediatric Nursing*
- *Paramedic*
- *Psychiatrice*
- *Public Health*

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Mempunyai Ijazah Sarjana Praktisioner Kejururawatan atau kelulusan yang diperakukan di peringkat antarabangsa sebagai sebanding yang mempunyai *core component* program bagi jururawat praktisioner yang diiktiraf.

ATAU

- b) Mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang Kejururawatan atau bersesuaian **DAN** mempunyai kelulusan *Post Graduate* Diploma Praktisioner Kejururawatan atau sebanding yang diiktiraf.



ATAU

- c) Mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang Kejururawatan atau sebanding dan bersesuaian **DAN** telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Jururawat atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji M.13 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- d) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejururawatan atau sebanding dan bersesuaian **DAN** telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Jururawat atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji M.13 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU


- e) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Jururawat atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji M.11 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus dalam Penilaian Kecekapan Kejururawatan (PKK) Tahap 1.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Berkerjasama dengan Pegawai-Pegawai Perubatan dan *Allied Health Professionals (AHP)* yang lainnya dalam melaksanakan dasar-dasar dan tatacara perawatan yang berkaitan dengan hal-hal pesakit / klien;
2. Membantu Ketua Jabatan dalam merancang peruntukan sumber tenaga manusia (kejururawatan) dalam anggaran belanjawan tahunan mengikut keperluan dan perkembangan perkhidmatan;
3. Mengendalikan aktiviti kajian / kajiselidik yang berkaitan dengan *evidence-based practice* kejururawatan diperingkat Unit / Jabatan;



4. Menjadi Ketua Bahagian dan mengendalikan pentadbiran di Bahagian mereka bertugas serta teratur;
5. Membantu dalam menyusun perancangan strategi sumber tenaga manusia (kejururawatan) ke arah pengurusan dan pelaksanaan yang optima dan berkesan;
6. Bertanggungjawab membuat rancangan prosedur-prosedur bagi menilai dan meningkatkan kualiti di perkhidmatan masing-masing;
7. Mengawalselia keberkesanan perawatan amali dan peralatannya di bahagian klinikal secara berterusan dan bersistematik dengan memberi keutamaan pada keselamatan mengikut tatacara *Quality Assurance (QA)* kejururawatan;
8. Berhubung rapat dengan ketua-ketua agensi yang berkaitan dalam sama-sama melaksanakan program-program kesihatan sebagai usaha untuk mempertingkatkan lagi tahap kesihatan orang ramai;
9. Bertanggungjawab dalam mengendalikan pentadbiran dan hal-hal yang berkaitan dengan klinikal dan amalan etika kejururawatan di bahagian tempat bertugas khasnya dan di keseluruhan perkhidmatan kejururawatan secara amnya;
10. Mengenal pasti keperluan latihan bagi perkembangan profesional kejururawatan secara berterusan dan berhubung rapat dengan Unit Pendidikan Lanjutan Kejururawatan dalam menyediakan perancangan dan melaksanakan latihan tersebut;
11. Menjalankan pemantauan terhadap amalan kejururawatan serta memberi laporan perkembangannya di peringkat Unit / Jabatan; dan
12. Bekerjasama dengan semua Pegawai Jururawat Kanan dalam mencapai visi Kementerian dan misi Perkhidmatan bagi memperkukuhkan amalan, kecekapan dan pengetahuan Jururawat mengikut perkembangan terkini.



**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada
Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia,
Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan seperti berikut**

**Alamat : BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN,
JALAN MENTERI BESAR,
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3910,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Emel : recruitment.ahp@moh.gov.bn

No. Tel : 2383020